

# Latihan niaga runcit dilaksanakan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

NEW YORK, Rabu — Satu program melatih kakitangan kerajaan menceburkan diri dalam perniagaan runcit akan dilaksanakan tidak lama lagi bagi membolehkan lebih ramai Bumiputera menguasai perniagaan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir ketika mengumumkan perkara ini berkata, rancangan ini sejajar dengan matlamat untuk meningkatkan taraf kedai-kedai runcit di seluruh negara.

Katanya, kakitangan kerajaan yang berminat menceburkan diri dalam perniagaan runcit akan

diberi cuti khas mengikuti latihan atau kursus berkenaan perniagaan runcit.

Selepas menghadiri kursus tersebut, kakitangan kerajaan berkenaan boleh membuat keputusan sendiri sama ada mereka sudah mampu mengendalikan perniagaan runcit dan sanggup meninggalkan jawatan kerajaan.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, program ini terpaksa dilaksanakan kerana tidak mungkin kakitangan-kakitangan kerajaan sanggup meletakkan jawatan mereka untuk mengendalikan perniagaan runcit tanpa sebarang

latihan atau pengalaman.

Bagaimanapun tambah beliau, sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam perniagaan jenis ini, ia mestilah sudah cukup matang, sudah berkahwin, banyak pengalaman hidup, mempunyai sedikit modal dan mempunyai perasaan tanggungjawab

Kakitangan kerajaan peringkat perkeranian, teknikal dan IMG mempunyai kelayakan-kelayakan seperti ini dan kerajaan mengambil keputusan membenarkan mereka mengambil cuti untuk mengikuti kursus-kursus, perniagaan runcit, tambah Perdana Menteri.

Katanya, buat masa ini, orang atau kumpulan Bumiputera yang betul-betul boleh menceburkan diri dalam perniagaan itu terlalu kurang.

"Para lulusan tingkatan lima atau enam tidak berkemampuan mengendalikan perniagaan jenis ini kerana mereka belum cukup matang, begitu juga dengan para lulusan universiti dan maktab yang tidak sesuai untuk kerijaya jenis ini," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memilih kakitangan yang betul-betul serius dan beliau berharap kakitangan kerajaan yang berminat dapat menilai kemampuan mereka sendiri dalam hal ini.

## Serius

Menyentuh kemudahan latihan, Perdana Menteri berkata, badan-badan seperti FIMA dan syarikat-syarikat pengedar yang mengendalikan perniagaan itu boleh memberi latihan kepada kakitangan-kakitangan kerajaan berkenaan.

Beliau menerangkan perbincangannya dengan beberapa ahli perniagaan runcit di Tokyo baru-baru ini, bertujuan mendapatkan bantuan mereka untuk memperbaiki perniagaan runcit di Malaysia.

Katanya, beberapa syarikat perniagaan Jepun sedang bergerak cergas di Malaysia dan baru-baru ini sebuah syarikat baru — ISETAN, telah diberi kebenaran mengendalikannya di sini dengan usahamasa ahli perniagaan Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, perniagaan runcit di Malaysia sekarang ini tidak berjalan secara sistematik seperti di Jepun ataupun di Amerika Syarikat.

Kebanyakan pekedai runcit di Malaysia adalah perniagaan keluarga yang tidak bersistematik dan bukannya perniagaan runcit seperti pengedar tunggal, jelas beliau.

Katanya, untuk membolehkan sesebuah perniagaan runcit itu maju dan berjaya, ia hendaklah diuruskan secara sistematik mendapat saluran bekalan yang teratur dan mempunyai rasa tanggungjawab.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, kedai-kedai runcit di kampung-kampung juga akan ditingkatkan tarafnya supaya lebih sistematik.

No. Siri ..... 2983 .....

No. Penerimaan ..... 725/85 .....